



MESRA... Shahrizat (duduk dua dari kanan) bergambar bersama kanak-kanak Sindrom Down selepas menyampaikan sumbangan RM50,000 kepada PSDM.

Prasarana OKU terabai

Pemaju tidak sediakan kemudahan OKU

SERDANG: Kesal dengan sikap sesetengah pihak yang mengabaikan keperluan Orang Kurang Upaya (OKU), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mengaudit bangunan yang ada bagi memastikan ia menyediakan prasarana untuk golongan itu.

Menterinya, Senator Datuk Sri Shahrizat Abdul Jalil, berkata Malaysia negara maju tetapi prasarana untuk OKU begitu kurang hingga menyukarkan pergerakan golongan berkenaan.

“Saya sudah bosan dengan tahap kemudahan awam untuk OKU. Akta dan undang-undang sudah ada tetapi pelaksanaan tidak memuaskan. Pihak berkuasa tempatan memberi kebenaran kepada pemaju tetapi pemaju tidak buat satu pun kemudahan untuk kegunaan

OKU,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Sindrom Down Sedunia 2010 peringkat kebangsaan bertema 1 Dunia 1 Harapan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini, semalam.

Menurutnya, tahun ini kementerian akan memberi sepenuh perhatian terhadap isu OKU dalam memastikan kebajikan mereka terus terpelihara.

“Golongan OKU juga harus diberi peluang untuk bekerja dan membantu memberi sumbangan kepada negara. Saya akan memastikan sekurang-kurangnya satu peratus OKU mendapat pekerjaan.

“Saya sudah ‘berpeluh’ meminta majikan mengambil pekerja OKU bekerja dengan mereka, harap mereka dapat beri perhatian perkara ini,” katanya.

Shahrizat berkata, kementerian menggalakkan pe-

nyertaan dan pembabitan masyarakat bagi memberi perkhidmatan kepada golongan bermasalah dan kurang bernasib baik melalui Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

Sebagai sokongan kepada pembabitan PSK, sehingga akhir 2009 sebanyak 225 PSK di seluruh negara mendapat bantuan geran tahunan daripada kementerian bernilai lebih RM21 juta.

Daripada jumlah itu kira-kira tujuh juta diperuntukkan kepada 109 PSK yang memberi perkhidmatan dan manfaat kepada kumpulan sasar OKU. Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM) antara PSK yang mendapat geran kementerian berjumlah RM54,748.00.

Di majlis itu PSDM turut menerima geran khas berjumlah RM50,000 daripada kementerian. Sumbangan disampaikan Shahrizat kepada penasihat PSDM, Puan Sri Saidatul Akmal Rashid.